



## KENYATAAN MEDIA

### ISU KUTIPAN SAMPAH DI KAMPUNG JAWA, BATU 18, HULU LANGAT , SELANGOR

---

**SHAH ALAM, 17 JULAI 2023**

KDEB Waste Management ("KDEBWM") ingin menjelaskan isu lambakan sampah di Kampung Jawa Batu 18, Hulu yang telah diviralkan di platform TikTok oleh seorang individu pada 16 Julai 2023, jam 3.00 pagi.

Pihak KDEBWM ingin menegaskan kutipan sisa pepejal telahpun dilaksanakan pada tarikh tersebut 16 Julai 2023, bermula jam 6.00 pagi oleh sub-kontraktor lantikan KDEBWM bagi kawasan tersebut. Kutipan sisa pepejal yang telah dilaksanakan adalah selari mengikut jadual kutipan iaitu; kutipan sisa domestik adalah tujuh (7) klai seminggu manakala jadual kutipan sisa pukal adalah tiga (3) kali seminggu.

Mengenai lambakan sisa yang diviralkan oleh individu tersebut hasil "intipan" beliau pada jam 3.00pagi pada 16 Julai 2023, pihak KDEBWM ingin menegaskan bahawa sebagaimana "Standard Operating Procedure" KDEBWM, kutipan sisa adalah bermula jam 6.00 pagi dan seterusnya sisa pepejal yang telah dikutip akan dibawa ke tapak pelupusan sisa di Tanjung 12, Sepang untuk dilupus.

Pihak KDEBWM juga ingin menegaskan bahawa janaan sisa pepejal bagi kawasan Hulu Langat adalah tinggi sekitar **50 hingga 55** tan metrik sehari, dan bagi kawasan Kampung Jawa, Batu 18 sahaja dianggarkan **5 hingga 6 tan** metrik dikutip setiap hari. Janaan sisa pepejal akan lebih tinggi pada setiap hujung minggu yang terhasil bukan sahaja dari janaan sisa di rumah-rumah kediaman malahan janaan sisa terhasil dari pusat-pusat perkhemahan di sekitar kawasan tersebut .

1

**KDEB WASTE MANAGEMENT  
ARAS 18, MENARA BANK RAKYAT  
NO.1, JALAN INDAH 14/8, SEKSYEN 14  
40000 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN**

Email: [info@kdebwm.com](mailto:info@kdebwm.com), Laman Sesawang: [www.kdebwm.com](http://www.kdebwm.com)

Untuk rekod, enam (6) unit tong-tong sampah jenis Leach Bin 1500 Liter dan MGB 660L telah pun disediakan di tapak Kebuk Sampah di kawasan tersebut bagi memudahkan urusan pembuangan sisa pepejal, supaya lebih sistematik, teratur dan selamat.

Pihak KDEBWM sentiasa memberikan perhatian dan pemantauan yang serius terhadap operasi kutipan sisa domestik dan sisa pukal bagi seluruh kawasan Hulu Langat termasuk menambah penggunaan asset bagi melancarkan operasi kutipan setiap hari. Pihak KDEBWM mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang mengambil berat akan isu kutipan sampah di Selangor dan mengalu-alukan sekiranya terdapat sebarang aduan sisa pepejal, orang ramai boleh menyalurkan aduan mereka melalui aplikasi i-Clean Selangor supaya sebarang aduan boleh diurus, direkod dan diselesaikan dengan segera dan pantas.

Sekian, harap maklum. Terima kasih.

**DATO' HJ RAMLI MOHD TAHIR (D.S.I.S), (SELANGOR)**

Pengarah Urusan

KDEB Waste Management

**KDEB WASTE MANAGEMENT  
ARAS 18, MENARA BANK RAKYAT  
NO.1, JALAN INDAH 14/8, SEKSYEN 14  
40000 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN**

Email: [info@kdebwm.com](mailto:info@kdebwm.com), Laman Sesawang: [www.kdebwm.com](http://www.kdebwm.com)